



Rasuah

Antara Natijah Akhir dengan Akar Sebab

Sidek Baba

Rasuah amalan yang bercanggah dengan syariat. Perbuatan ini sangat hina dan suatu amalan yang keji. Islam menegah perbuatan rasuah kerana mengundang penyakit kepada diri, memberikan kesan buruk kepada orang lain, serta merosakkan masyarakat dan negara.

Rasuah wujud akibat daripada sikap manusia yang hilang amanah diri, tidak berlaku adil kepada tanggungjawab dan menyebabkan berlaku kerosakan. Akar sebabnya adalah kerana manusia hilang keyakinan terhadap Pencipta dan menjadikan nafsu sebagai pedoman dan tujuan hidup.

Penyakit hati

Apabila diberikan amanah manusia cenderung untuk melakukan khianat, apabila dikurniakan pangkat dan kuasa lalu mereka



cara senang untuk berkuasa dan menyebabkan amanah tercemar, keadilan tidak terjadi dan kesejahteraan hidup tidak berlaku. Rasuah berlaku tanpa mengira peringkat hidup manusia sama ada golongan bawahan, pertengahan mahupun golongan bertaraf tinggi. Setiap peringkat golongan ini memiliki kaedah tersendiri untuk terlibat dengan rasuah selaras dengan tahap kedudukan mereka dalam masyarakat.

Bicara isu rasuah bukan hanya tentang gelagat perbuatannya yang membawa kesan buruk pada diri, masyarakat, organisasi dan negara, malahan mampu meruntuhkan sebuah tamadun. Sejarah membuktikan bahawa punca keruntuhan tamadun silam antaranya termasuklah rasuah yang tidak dicegah. Rasuah kelihatannya sudah menjadi cara hidup, manakala langkah pencegahan tidak berlaku sehingga menyebabkan hal ini kian parah dan akhirnya menjadi penyakit hati dalam masyarakat.

menyalahgunakannya. Saat diberikan peluang sering sahaja berlaku ketidakadilan sehingga mencemarkan pengurusan diri yang akhirnya mengakibatkan hubungan dengan manusia dalam kecurigaan, manakala hubungan dengan Pencipta menjadi rosak.

Rasuah dilihat sebagai penyakit hati. Hati yang tidak takut kepada balasan Allah SWT menyebabkan manusia lupa dan lalai. Kelalaian itu menjadikan manusia memilih rasuah untuk cepat kaya, jalan mudah mendapatkan sesuatu,

Penyakit hati ini menjadi akar sebab kepada perlakuan rasuah. Hati yang tidak ditautkan dengan balasan Pencipta menyebabkan hilangnya rasa takut dan gentar terhadap amaran Allah SWT. Bersikap amanah, jujur dan adil tidak dijadikan pedoman sehingga menyebabkan manusia lupa dan lalai, seterusnya melakukan perbuatan yang melampaui batas. Batas syarak tidak dipatuhi, tetapi dorongan nafsu yang diikuti sehingga menjebakkan diri dalam perbuatan salah laku.

Merawat penyakit hati

Pertautan hati antara hamba dengan Penciptanya amat penting untuk dipelihara. Kesedaran terhadap konsep ketuhanan wajib bertapak kukuh di hati setiap Muslim sebagai pedoman dengan menginsafi bahawa apa-apa sahaja yang dilakukan dalam hidup akan sentiasa dalam pemerhatian dan pengetahuan Allah SWT. Kesedaran inilah yang akan menjadi benteng diri agar perbuatan rasuah dan salah guna kuasa tidak berlaku. Bertitik tolak dari sini akan mewujudkan keinsafan dalam diri bahawa sekecil-kecil perbuatan rasuah dan salah guna yang dilakukan tetap akan dihitung dalam timbangan Allah SWT Yang Maha Adil lagi Maha Mengetahui.

Tiada ubat yang mujarab bagi penyakit hati selain kembali kepada asas yang diajarkan oleh Allah SWT berlandaskan al-Quran dan sunah. Al-Quran yang sempurna terkandung peringatan dan petunjuk supaya manusia mengambil tahu tentang batas halal dan haram serta perbuatan makruf dan mungkar sebagai pedoman agar pilihan yang dibuat dalam menjalani hidup tidak melampaui batas. Sikap melampaui batas seperti rasuah dan menyalahgunakan kuasa amat dimurkai oleh Allah SWT dan balasannya amat pedih. Apabila keinsafan ini dihayati oleh manusia, maka perasaan takut untuk melakukan perbuatan yang melanggar syariat Islam akan wujud.

Kesedaran tentang ajaran Islam ini menjadi akar sebab supaya melalui dakwah dan

tarbiah, amaran dan peringatan dapat dijadikan pedoman dan dihayati oleh setiap manusia. Allah SWT menuntut manusia bersifat amanah dan berlaku adil apabila diberikan tanggungjawab kerana menyalahgunakan amanah akan merosakkan diri sendiri, masyarakat dan keseluruhan sistem pengurusan

terhadap larangan dan balasan oleh Pencipta. Keyakinan dan kepatuhan terhadap Pencipta merupakan jalan keluar daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa.

Kepatuhan kepada Allah digambarkan dalam pelaksanaan ibadat dan wujud penghayatan yang tinggi terhadap ibadat yang

taat, akur dan tunduk terhadap perintah Allah SWT. Tuntutan mendirikan solat lima kali sehari semalam adalah untuk mendidik akal fikir dan hati bahawa amalan solat pada hakikatnya memandu kehidupan manusia supaya jujur, amanah dan adil kerana hal ini dilakukan dengan maksud untuk mendapatkan keredaan Allah.

Jika rukun iman dan rukun Islam dihayati sepenuhnya, sudah pasti hal ini memberikan makna yang amat besar kepada yang umat Islam kerana peranannya sebagai sumber pedoman dan peringatan terhadap kepatuhan kepada Allah SWT. Penghayatan ini seterusnya dapat memelihara diri daripada melakukan hal-hal yang menyalahi syarak seperti rasuah dan salah guna kuasa yang mengundang kepada kerosakan dan kerugian kepada umat Islam itu sendiri.

negara. Amalan melaksanakan sesuatu pekerjaan kerana Allah SWT dan kegentaran untuk melakukan perbuatan salah laku dipandang sepi. Hal inilah yang menyebabkan penyakit hati yang dideritai manusia akibat lalai terhadap ajaran agama dan menjadikan hawa nafsu sebagai rujukan utama. Kesannya, manusia membelakangkan sikap adil dan amanah kepada Allah dalam melakukan sesuatu.

Kepatuhan kepada Allah

Sesetengah pihak berpandangan bahawa rasuah dan salah guna kuasa dilihat sebagai natijah akhir atau akibat, bukan sebagai akar sebab dengan menjatuhkan hukuman bunuh terhadap kesalahan tersebut, seperti yang berlaku di negara China. Amalan rasuah dan salah guna kuasa membudaya dalam sesebuah negara akibat ketandusan pancang keinsafan

dilakukan. Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Ankabut*, ayat 45 yang bermaksud, "Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar." Sebagai analoginya, apabila kita ingin menunaikan solat, sudah pasti kewajipan berwuduk didahulukan. Wuduk memberikan makna yang besar sebagai satu cara pembersihan diri dari segi zahir dan batin dilakukan. Muka dibasuh melambangkan wajah diri dan hati kembali bersih. Disucikan pula tangan dan kaki sebagai gambaran untuk tangan tersebut tidak mengambil dan memberikan sesuatu yang bukan haknya, manakala kaki yang melangkah bukan menuju ke arah kemungkaran.

Islam menuntut umatnya mendirikan solat kerana hikmah yang terkandung di dalamnya. Perbuatan rukuk dan sujud dalam solat lambang kehambaan diri yang mendukung resam patuh,

Begitu juga halnya dengan ibadat yang lain seperti puasa, mengerjakan haji, menyempurnakan zakat dan memberikan sedekah yang terkandung hikmah yang amat besar. Ibadat ini mempertautkan kita dengan rukun iman dan rukun Islam yang cuba dihayati sebaik-baiknya supaya proses pembinaan akal fikir, watak dan sahsiah berlaku sehingga penghayatan hidup beragama mengambil tempat. Berpuasa mendidik manusia menginsafi keperitan hidup golongan fakir dan miskin dan seterusnya mendorong kita menghulurkan sedekah dan mengeluarkan zakat seperti yang dituntut oleh agama Islam.


Menjadi tetamu Allah di bumi *haramain* sudah pasti menjadi impian bagi semua umat Islam tanpa mengira bangsa, pangkat dan kedudukan. Soalnya hanya kemampuan dan rezeki yang

ditentukan oleh Allah SWT yang mengizinkan hamba-Nya menjadi tetamu-Nya di bumi berkat itu. Mengerjakan haji memberikan keinsafan bahawa wang yang dikumpulkan untuk melaksanakan ibadat tersebut semestinya daripada sumber yang halal, bertemu di Makkah dan Madinah dengan jumlah manusia dari segenap pelusok dunia mengabdikan diri kepada-Nya.

Jika rukun iman dan rukun Islam dihayati sepenuhnya, sudah pasti hal ini memberikan makna yang amat besar kepada umat Islam kerana peranannya sebagai sumber pedoman dan peringatan terhadap kepatuhan kepada Allah SWT. Penghayatan ini seterusnya dapat memelihara diri daripada melakukan hal-hal yang menyalahi syarak seperti rasuah dan salah guna kuasa yang mengundang kerosakan dan kerugian kepada umat Islam itu sendiri.

Inilah akar sebab (*root causes*) yang menyebabkan penyimpangan amalan terjadi sehingga dunia semakin tandus

dengan sifat amanah, keadilan tidak berlaku dan perbuatan salah guna kuasa berleluasa. Tumpuan yang diberikan terhadap natijah akhir bagi perbuatan rasuah dan salah laku harus seimbang dengan akar sebab. Dengan mengukuhkan hikmah akar sebab dalam diri manusia, hal ini dapat mempertautkan manusia dengan pedoman dan petunjuk Allah SWT, di samping membolehkan natijah akhir diatasi. Oleh sebab itu sifat ibadat dalam Islam dilakukan berulang-ulang bagi mengingatkan manusia yang sering lupa dan lalai. Melakukan kemungkaran menyebabkan akibat buruk berlaku terhadap diri, agama, bangsa dan negara. Negara yang aman dan damai bergantung pada gelagat manusia yang sentiasa patuh, taat, akur dan tunduk kepada syariat Allah SWT. Hal ini merupakan prasyarat aman dan damai terjadi serta



membawa makna kemajuan dan pembangunan yang diredai-Nya.

Penghayatan hidup beragama menjadi prasyarat kepada manusia agar manusia terbimbing melalui petunjuk dan pedoman yang ditetapkan oleh Allah SWT. Beragama memberikan keyakinan bahawa kita ini adalah hamba-Nya. Jiwa kehambaan ini menjadikan pergantungan terhadap ketentuan Allah SWT kerana daya usaha manusia terbatas melainkan dengan pedoman dan petunjuk Allah SWT yang memimpin kita berada pada jalan yang lurus. ☞

Tanyalah Hati

Pesan Imam al-Ghazali

Yang paling dekat dengan manusia ialah **kematian**.

Yang paling jauh dengan manusia ialah **masa lampau**.

Yang paling besar dalam dunia ialah **nafsu**.

Yang paling ringan dalam dunia ialah **meninggalkan solat**.

Yang paling tajam dalam dunia ialah **lidah manusia**.

Yang paling berat dalam dunia ialah **amanah**.